


HSE & COMPLIANCE NEWSLETTER

A monthly HSE newsletter by Cezars Kitchen



1. PENGENALAN



Kehadapan semua yang dihormati,

Kita kini sedang menempuh dugaan yang amat getir iaitu dengan penularan wabak COVID-19. Perasaan sedih dan terharu saya bersama-sama mereka yang kini terjejas dengan wabak besar yang sedang melanda di seluruh dunia dan di Jepun, amnya.

Di CK, kita masih bernasib baik kerana sehingga Tarikh 07hb April, 2020, setiap ahli keluarga CK di seluruh operasi di Asia, masih bebas dari gejala COVID-19! Sila teruskekalkan prestasi ini dengan mempamerkan amalan-amalan yang baik termasuk duduk di rumah jika tidak mempunyai sebarang hal penting, mencuci tangan dengan kerap diikuti dengan sanitasi, penggunaan topeng muka apabila berada di khalayak ramai, serta mengamalkan penjarakkan sozial.


Pada bulan Mac tahun ini, kita telah melancarkan sebuah "Portal Latihan Dalam Talian" yang membolehkan ahli-ahli CK mengakses latihan berkaitan HSE & keselamatan dari mana-mana pelayar komputer atau telefon pintar mereka dengan menggunakan aplikasi ini..

Di samping itu, kita telah menjalankan dan menyampaikan latihan berskala berkaitan SOP & keselamatan termasuk "Orientasi CK COVID-19" melalui persidangan video. Ini telah membolehkan kita untuk terus memperkasakan hubungan dengan anda semua serta menyokong komitmen untuk muncul sebagai juara selepas wabak besar COVID-19 ini lenyap.

Semoga kekal SELAMAT & Sihat!

Gordon Joseph
HSE & Compliance Manager

DI DALAM EDISI INI



Latihan: Apa yang dijalankan? Lebih lanjut pada Mukasurat 2



Putuskan Rantaian Wabak: Apakah maksudnya? Di Mukasurat 3


2. LATIHAN | APA YANG KAMI JALANKAN?

Dengan pelancaran “Portal Latihan Dalam Talian” baru-baru ini, Pengurus Operasi dan Ketua Chef dapat menjalani latihan dalam format e-pembelajaran. Kursus-kursus ini adalah berdasarkan SOP CK yang sedia ada bersama dengan bahan berkaitan keselamatan dan keselamatan makanan yang lain.

Barisan kepimpinan juga telah menggalakkan penggunaan alat digital untuk persidangan video bagi terus menyampaikan latihan dalam talian untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran! Pada

dasarnya, kita ingin memastikan bahawa kita mengambil peluang didalam masa ini untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, sambil mempelajari kemahiran baru secara serentak.

Kita akan terus membangun dan menyampaikan latihan seterusnya dalam masa terdekat. Terima kasih kepada semua ahli yang aktif menyokong dan mengambil bahagian di dalam sesi ini.



**Latihan orientasi SOP
(Malaysia)**

Latihan COVID-19 di Jepun.
Latihan juga dikendalikan dalam Bahasa Jepun bagi menyokong pasukan Jepun kami

- 参照
- 目的
- はじめに
- 特徴
- 予防対策 | 社会的距离
- 予防対策 | 追加対策規範
- 手洗い
- マスクの着用
- 重篤症状
- 緊急連絡先
- 緊急時対策
- あなたのキッチンを守るために
- 心の健康とストレスマネジメント


3. PUTUSKAN RANTAIAN

COVID-19 adalah suatu penyakit berjangkit yang kini menjadi wabak besar global dan ianya tersebar terutamanya melalui hubungan manusia ke manusia. Rangkaian jangkitan dan penyebaran akan berlaku apabila titisan jangkitan memasuki tubuh manusia yang sihat melalui mulut ataupun rongga hidung.

Populasi besar kes positif juga adalah tanpa sebarang gejala. Ini bermakna orang yang dijangkiti tidak akan menunjukkan sebarang tanda-tanda awal penyakit. Walau bagaimanapun, secara tanpa sedar, mereka akan terus menjangkiti dan menyebarkan virus itu.

Memutuskan rantaian merujuk kepada usaha memutuskan penularan rangkaian hubungan. Dengan mengekalkan amalan kebersihan yang baik seperti memakai topeng muka, menutup mulut ketika batuk dan bersin, kita dapat mengelak daripada dijangkiti dan seterusnya menjangkiti orang lain.

Marilah kita bersama-sama bertanggungjawab dan menyokong masyarakat kita dengan mengelakkan dari mengunjungi tempat-tempat awam, mengurangkan sebarang perhimpunan yang tidak penting dan dengan itu, ianya akan membantu usaha global dalam "memutuskan rantaian hubungan"!



The average number of people that one person with COVID-19 infects: 2–2.5

Penyelidikan menyatakan bahawa satu orang berpotensi menjangkiti rata-rata 2 orang.

Infected person



Average people infected

